

05/04/2000

AT2000 tidak berniat bersaing dengan Lima

KUALA LUMPUR, Selasa - Pameran Pengangkutan Udara 2000 (AT2000) pertama November ini tidak bertujuan bersaing dengan Pameran Udara dan Maritim Langkawi (Lima).

Malah, AT2000 yang sebelum ini dikatakan boleh menjejaskan kedudukan Lima sebagai pameran udara terbesar di rantau ini, sudah mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengarah Urusan HW Lima Sdn Bhd (HW Lima), Felix Thai berkata, kerajaan mengakui wujud perbezaan di antara kedua-dua pameran antarabangsa itu, sekali gus tidak bercanggah antara satu sama lain.

AT2000 memberi penekanan kepada lima komponen utama iaitu sistem penyenggaraan dan membaik pulih pesawat, kawalan trafik udara, penggunaan teknologi maklumat (IT) aeroangkasa, aplikasi penerbangan komersil dan operasi lojistik lapangan terbang.

Pameran itu akan diadakan di Terminal Dua Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang dari 23 hingga 26 November ini dan dijangka dirasmikan Dr Mahathir.

Thai berkata, pengumuman AT2000 tidak memberi kesan kepada Lima kerana matlamat serta penekanan kedua-dua pameran antarabangsa itu berbeza.

"Walaupun Lima sudah wujud, AT2000 dianggap penting kerana matlamatnya bukan untuk mempamerkan pesawat saja malah lebih menyeluruh daripada aspek teknikal," katanya kepada Berita Harian.

Beliau yakin Malaysia akan menempa satu lagi nama dalam industri aeroangkasa melalui AT2000 yang dijangka menelan belanja sebanyak RM2 juta hingga RM3 juta.

Katanya, Lima akan terus kekal sebagai pameran aeroangkasa yang dominan di rantau ini meskipun diadakan beberapa pameran antarabangsa seumpamanya.

(END)